



PERTANYAAN DAN PERMOHONAN

BAHAGIAN INDUSTRI DESA & USAHAWAN
PUSAT PEMBANGUNAN USAHAWAN
KEDA NAPOH

KM 17.5, LEBUHRAYA UTARA SELATAN
06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN

TEL : 04 - 917 9520

FAX : 04 - 917 4680




LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR
DAN WILAYAH



لِمْبَاغَا كَمَاؤَانِ وِلايَا قَدَا

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH

Kedah Regional Development Authority (KEDA)
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH



PROGRAM PEMBANGUNAN
USAHAWAN / INDUSTRI KECIL DAN
SEDERHANA KEDA

LOKASI KAWASAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA KEDA

PEKAN BINJAL

Bangunan Industri	4
Lot Industri	54
Kedai	11

NAPOH, JITRA

Bangunan Industri	6
Lot Industri	1
Bengkel	66

WANG TEPUS, JITRA

Bangunan Industri	1
-------------------	---

KUBUR PANJANG, PENDANG

Kedai	16
-------	----

SUNGAI TIANG, PENDANG

Lot Industri	3
--------------	---

PEKAN JENIANG

Bengkel	30
---------	----

KAMPUNG BERJAYA, JENIANG

Bangunan Industri	1
Lot Industri	22

PEKAN SIK

Bangunan Industri	5
Lot Industri	37
Bengkel	16
Kedai	61

PEKAN NAKA

Bangunan Industri	4
Bengkel	4
Kedai	25

SUNGAI UDANG, YAN

Bangunan Industri	2
-------------------	---

BT. 13, POKOK SENA

Bangunan Industri	1
Lot Industri	6

WANG TOK RENDONG, LANGKAWI

Bangunan Industri	14
Lot Industri	5

JALAN KISAP, LANGKAWI

Bangunan Industri	3
-------------------	---

PEKAN BALING

Bangunan Industri	2
Bengkel	14
Kedai	6

BT. 42, PULAI, BALING

Bangunan Industri	12
Lot Industri	29
Bengkel	5

PEKAN KUPANG, BALING

Bangunan Industri	14
-------------------	----

LUBUK BUNTAR, SERDANG

Kedai	10
-------	----

PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN IN

PENGENALAN

Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) merupakan sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang ditubuhkan pada 28 Mei 1981 di bawah Akta Parlimen 249 (Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981). Berperanan untuk membantu merangsang Pembangunan Sosial Dan Ekonomi kawasan luar bandar.

MATLAMAT

Fokus utama program ini adalah untuk menggalakkan dan membantu pembangunan IKS melalui Taman IKS yang bersepadu di Wilayah Kedah serta melaksanakan Program Pembangunan Usahawan ke arah pengwujudan Masyarakat Perdagangan Dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) selaras dengan kehendak Misi Nasional (2006-2020).

Di samping itu, KEDA turut memfokus kepada:

- Memberi pendedahan serta membentuk usahawan baru menjadi lebih kreatif, inovatif dari aspek penjenamaan, pembungkusan serta pelabelan.
- Menyediakan medan promosi yang lebih efektif kepada usahawan Bumiputera di samping membentuk jaringan perniagaan di kalangan usahawan.

KOMPONEN PROGRAM

- Kemudahan Infrastruktur.
- Skim Pinjaman Mesin dan Peralatan.
- Bantuan Promosi Pasaran.
- Pembangunan Usahawan.
- Pusat Maklumat.

KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR

KEDA memberi tumpuan dalam membangunkan beberapa kawasan di pekan-pekan kecil luar bandar sebagai kawasan perusahaan untuk industri kecil dan sederhana.

Kawasan ini dibangunkan dengan premis bangunan industri / bengkel kecil, gerai dan kedai dilengkapi dengan bekalan elektrik, air dan talian telefon untuk disewakan kepada pengusaha industri luar bandar dengan kadar sewa yang berpatutan sebagai permulaan perniagaan.

Komponen ini merangkumi:

- Kedai / gerai untuk disewa.
- Bangunan / bengkel untuk disewa.
- Lot industri untuk dijual / pajakan bagi tempoh 60 tahun.

SKIM PINJAMAN MESIN DAN PERALATAN

Skim Pinjaman Mesin dan Peralatan merupakan kemudahan pembiayaan kepada pengusaha industri luar bandar disalurkan oleh kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) di bawah agensinya, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA).

Skim ini diwujudkan bertujuan:

- Meningkatkan tahap automasi dan produktiviti industri.
- Menyediakan pinjaman mudah dengan kadar pembayaran balik yang rendah.
- Menggalakkan pembangunan usahawan luar bandar dalam bidang industri yang berpotensi.

KRITERIA PERMOHONAN SKIM PINJAMAN MESIN & PERALATAN

- Premis berniaga beroperasi di negeri Kedah.
- Milik perseorangan atau syarikat.
- Dimiliki oleh 100% Bumiputera.
- Projek diusahakan secara sepenuh masa.
- Maksimum tempoh bayaran balik 60 bulan.



